

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : LOKAL

**Kuala Lumpur:** Rakyat di negara ini diingatkan sentiasa berwaspada bagi membendung peningkatan kes jangkitan Covid-19 semasa musim perayaan Aidilfitri ini.

Berdasarkan portal rasmi KKMNOW setakat 8 April lalu, negara mencatatkan 7,643 kes baharu dalam tempoh 14 hari di beberapa negeri dengan Selangor antara merekodkan kes tertinggi iaitu 2,283 diikuti Kuala Lumpur (1,609) dan Melaka (865).

Mengambil kira situasi

## 7,643 KES COVID-19 DIREKOD

# Rakyat Malaysia digesa sentiasa waspada

semasa Covid-19, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, masyarakat masih perlu mengamalkan langkah berjaga-jaga berikutan jumlah kes dijangka meningkat khususnya menjelang Syawal.

Dr Zainal Ariffin yang juga Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia berkata, masyarakat harus

waspada dengan virus Covid-19 terutamanya varian baharu XBB yang boleh menjejaskan kesihatan dan menyebabkan kematian.

"Langkah pencegahan seperti memakai pelitup muka, mengelakkan tempat sesak, mengambil ujian Covid-19 dan menjadualkan kuarantin sendiri jika didapati positif perlu dipraktikkan oleh orang ramai,"

katanya.

Beliau turut menasihati mereka yang berisiko supaya melengkapkan suntikan vaksin seperti yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mengurangkan risiko jangkitan.

Kes aktif Covid-19 yang direkodkan KKM sehingga kini adalah sebanyak 13,283 kes dengan 96.2 peratus daripadanya adalah kes yang

dibenarkan kuarantin di rumah manakala selebihnya menerima rawatan di hospital berdekatan.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Malina Osman mengingatkan rakyat Malaysia supaya berhati-hati ketika menyediakan makanan menjelang musim perayaan ini bagi

mengelakkan sebarang risiko keracunan makanan.

Menurutnya, masyarakat juga perlu mengelakkan pengambilan karbohidrat yang tidak diperlukan seperti pengambilan minuman bergula berlebihan atau makanan yang kaya karbohidrat kerana ia kurang baik untuk kesihatan.

"Ambil makanan seimbang serta elakkan pengambilan garam atau lemak berlebihan dan janganlah kita perolok-olokkan pula mereka yang cuba mengamalkan pemakanan sihat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## JKN Kedah pantau trend penyakit berkaitan cuaca panas, jerebu

**ALOR SETAR** - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah memantau trend penyakit berkaitan cuaca panas dan jerebu di semua hospital termasuk klinik kesihatan.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warjo berkata, bagaimanapun, hasil pemantauan

sehingga kini mendapati tiada peningkatan kes berkaitan pernafasan di negeri ini.

"Bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan untuk amalkan beberapa tip penjagaan bagi mengekalkan tahap kesihatan ketika cuaca panas dan jerebu seperti mengurangkan aktiviti fizikal di luar serta kekal berada di dalam rumah atau premis," katanya.

Menurutnya, mereka dinasihatkan menggunakan penutup hidung atau mulut terutamanya yang berisiko tinggi dan penunggang motosikal sekiranya terpaksa berada di luar.

Beliau berkata, orang awam diharap dapat memastikan udara dalam bangunan sentiasa bersih dan jika mampu menggunakan alat pendingin hawa atau pembersih udara.

"Antara lain, gunakan pendingin hawa ketika memandu dan aktifkan fungsi kitaran udara dalaman," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang awam supaya meningkatkan pengambilan air kosong bagi mengekalkan tahap hidrasi badan, sekaligus sentiasa menjaga kebersihan diri.

"Perlu kerap membasuh tangan dan muka menggunakan sabun serta air selepas melakukan aktiviti luar.

"Tidak ketinggalan, segera dapatkan rawatan di klinik jika alami gejala teruk seperti batuk, selesema, asma, sakit mata dan jangkitan paru-paru yang kronik," katanya.



DR OTHMAN



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NASIONAL

# Pemain industri vape tolak GEG

Mereka dakwa kerajaan tidak wajar ambil tindakan drastik haramkan rokok elektronik

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN SHAH ALAM**

**S**ebanyak 11 pemain industri rokok elektronik di seluruh negara menyatakan pendirian menolak cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melaksanakan generasi penamat (GEG) untuk vape.

Menerusi satu kenyataan bersama pada Isnin, pemain-pemain industri vape itu berkata, kerajaan tidak sewajarnya mengambil tindakan drastik mengharamkan produk berkenaan kerana ia telah digunakan secara meluas ketika ini, sebaliknya perlu mengambil pendekatan lebih sederhana dalam mengatasi perkara tersebut.

Kenyataan bersama itu terdiri daripada Presiden Persatuan Peruncit Peranti dan Cecair Rokok Elektronik (MRECA), Datuk Adzwan Ab Manas; Pengarah Urusan NSTY

Worldwide Sdn Bhd, Shariffuddin Bujang; Pengarah Urusan Vape Empire Distribution Sdn Bhd, Zachary Oh dan Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli.

Turut menyatakan pendirian sama, Pengarah Urusan Bangsawan Distribution Sdn Bhd, Redzuan Rahim; Presiden Persatuan Peniaga Vape Melayu Malaysia (PPVM), Mohd Sabri Ismail; Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA); Rizani Zakaria dan Pengarah Urusan Gadget Union Distribution, James Tan.

Senarai lain adalah Pengarah The Vape69 Sdn Bhd, Shamsul Bahri Ismail; Pengarah Urusan VV Venture Sdn Bhd, Mohd Firdaus, dan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Terkini Negeri Sembilan, Md Sani Md Shah.

"Pada minggu lalu, Timbalan Menteri Kesihatan (Lukanisman Awang Sauni) dan pegawai-pegawai KKM telah mengadakan mesyuarat bersama wakil pemain industri tempatan untuk berbincang hala tuju kawal selia setelah cecair vape bernikotin telah dikecualikan daripada Akta Racun untuk mula dikawal selia dan dicukaikan.

"Dalam mesyuarat tersebut, pegawai-pegawai KKM menyatakan pendirian dan bertegas untuk melaksanakan GEG yang dicadangkan oleh mantan Menteri Kesihatan sebelum ini,



Sebanyak 11 pemain industri rokok elektronik di seluruh negara menyatakan pendirian menolak cadangan KKM untuk melaksanakan generasi penamat untuk vape.

walaupun ia telah menerima tentangan daripada pelbagai pihak," katanya.

Menurutnya, pemain industri vape telah menolak cadangan tersebut kerana ia akan memberikan kesan kepada industri dan menyatakan bahawa lebih banyak kajian perlu dilakukan sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Baru-baru ini, industri telah dimaklumkan pihak berkuasa di Jabatan Kastam Diraja Malaysia bahawa pengimportan produk vape bernikotin masih terlarang

dan tidak dibenarkan oleh KKM dan walaupun ia telah dibangkitkan kepada pihak berkenaan di Kementerian itu, perkara ini masih tidak diselesaikan.

"Langkah ini adalah tidak wajar dan ia adalah bertentangan dengan pengumuman kerajaan untuk memulakan kawal selia percukaian ke atas produk vape yang telah mula sejak dua minggu lalu," jelasnya.

Justeru katanya, pemain industri memohon agar KKM mengambil langkah secepat mungkin untuk menarik balik se-

katan tersebut selaras dengan permulaan kawal selia percukaian ke atas produk vape.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, kumpulan berkenaan turut memohon agar KKM mengambil tindakan untuk menarik balik sekatan dan larangan import produk vape bernikotin sedia ada untuk membolehkan produk dapat diimport secara sah dan berbayar cukai.

Pada 1 April lalu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa memaklumkan KKM akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) baharu bagi mengawal sediaan nikotin dalam cecair rokok elektronik atau vape ketika sesi Parlimen pada Mei ini.

Perkembangan terbaru itu susulan keputusan kontroversi kerajaan pada hari sebelumnya yang mengeluarkan cecair dan gel nikotin daripada senarai Akta Racun.

Pada Belanjawan 2023 lalu juga, kerajaan memutuskan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik atau vape.

Kerajaan dalam masa sama juga bersetuju mewartakan duti eksais bagi cecair vape dengan kandungan nikotin pada kadar 40 sen setiap milliliter (ml) dalam usaha mengenakan cukai produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NASIONAL

## Covid-19: Rakyat perlu waspada, bendung peningkatan kes ketika musim raya



Orang ramai diharap sentiasa berwaspada bagi mengelak virus Covid-19 menular menjelang Aidilfitri nanti.

**KUALA LUMPUR** - Rakyat di negara ini diingatkan supaya sentiasa berwaspada bagi membendung peningkatan kes jangkitan Covid-19 semasa musim perayaan Aidilfitri ini.

Berdasarkan portal rasmi KKMNOW, setakat 8 April lalu, negara mencatatkan sejumlah 7,643 kes baharu dalam tempoh 14 hari melibatkan beberapa negeri dengan Selangor antara yang merekodkan kes tertinggi iaitu 2,283 diikuti Kuala Lumpur (1,609) dan Melaka (865).

Mengambil kira situasi semasa Covid-19 itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar

berkata, masyarakat masih perlu mengamalkan langkah berjaga-jaga berikutan jumlah kes dijangka meningkat khususnya menjelang Syawal.

Dr Zainal Ariffin yang juga Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia berkata, masyarakat harus waspada dengan virus Covid-19 terutamanya varian baharu XBB yang boleh menjajaskan kesihatan dan menyebabkan kematian.

"Langkah pencegahan seperti memakai pelitup muka, mengelakkan tempat sesak, mengambil ujian Covid-19 dan menjadualkan kuarantin sendiri

jika didapati positif perlu dipraktikkan oleh orang ramai," katanya.

Beliau turut menasihati mereka yang berisiko supaya melengkapkan suntikan vaksin seperti yang telah disyorkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan risiko jangkitan.

Kes aktif Covid-19 yang direkodkan KKM sehingga kini adalah sebanyak 13,283 kes dengan 96.2 peratus daripadanya merupakan kes yang dibenarkan kuarantin di rumah, manakala selebihnya menerima rawatan di hospital berdekatan. - *Bernama*



AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Healthy rebound in medical tourism post Covid pandemic

Foreigners seeking treatment in Malaysia drawn by affordable costs, top-notch specialists at private hospitals

BY RAJVINDER SINGH  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Medical tourism in Malaysia is slowly recovering after the country fully opened its borders in the early part of last year.

Private Hospitals Malaysia Association president Datuk Dr Kuljit Singh said medical tourism is an important part of business for private hospitals.

He said those coming to Malaysia for treatment find it easy to communicate with hospital staff as everyone speaks English and patients are given top-grade medication, unlike in some other countries.

Kuljit added that most of the private hospitals that treat medical tourists are in major urban areas such as Kuala Lumpur, Penang, Johor Bahru and Malacca.

"For medical tourists, Malaysia is a huge draw as the country offers many attractions and places to visit.

"Medical tourists from places such as the Middle East, Bangladesh, India and China are usually accompanied by their family members,

who regard the trip as a holiday.

"While a medical tourist gets treated at the hospital, the family members will take the opportunity to visit the many attractions in the country."

Kuljit said medical tourists consider healthcare in Malaysia to be very affordable compared with other countries in the region, adding that many locals may complain about the cost of treatment at private hospitals as they pay next to nothing at government hospitals.

Before Covid-19 hit the country in 2019, there were 1.2 million medical tourists who sought treatment in Malaysia.

However, as the sector is slowly recovering, about 800,000 medical tourists had sought treatment here last year.

"Malaysia has the best staff in the private sector, including top-notch specialists, and this makes it attractive to medical tourists."

He said the private sector can add more hospitals and beds to treat patients but the cost will remain the same as there are no economies of scale when it comes to medical

drugs and salaries.

Kuljit said while the government issues licences for private hospitals that meet its standards and regulations, and have the money to invest, it will not step in to help if a hospital runs into financial difficulties.

Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) said Malaysia's healthcare travel industry recorded more than RM1.2 billion in revenue last year - its highest since 2019 - as air travel rebounded after three years of pandemic lockdowns and travel restrictions.

It said the annual revenue of private healthcare had been steadily increasing, rising from RM527,000 in 2011 to RM1.7 billion in 2019, before Covid-19 became a pandemic.

The volume of healthcare travellers had also increased from 643,000 to over 1.2 million over the same period.

MHTC expects the medical tourism industry to continue growing, with a projected annual revenue of RM2 billion in 2025.

The council said due to the border closures and compounded impact of Covid-19, Malaysia's healthcare travel revenues saw a sharp decline, with the biggest impact felt in the second half of 2020 and beyond.

It said the highest number of medical tourists were from Australia, Bangladesh, China, India, Indonesia, Japan, the Philippines, Singapore, UK and the US.